

ISSUE #02/23 OGOS 2024

GEMPAK.

WWW.GEMPAK.COM

WEEKLY EDITION



*Takluk: Lahad Datu,
Filem Untuk Wira Negara*

Zulkarnain Azhar

Zulkarnain menulis filem



Masih segar di ingatan rakyat Malaysia apabila 10 wira negara gugur ketika peristiwa hitam pencerobohan pengganas di Lahad Datu dan Semporna, Sabah kira-kira 11 tahun lalu.

Diinspirasikan daripada peristiwa penuh tragedi itu, pengarah Zulkarnain Azhar tampil dengan naskhah *Takluk: Lahad Datu* yang penuh dengan aksi kenegaraan.

Zulkarnain membawa penonton untuk menghayati gambaran sebenar filem yang bakal menjentik naluri penonton untuk menghargai pejuang tanah air dalam memastikan kedaulatan negara tidak tergadai.

"Kami tidak mahu memburukkan sesetengah pihak sebab niat kami hanya untuk menggambarkan situasi tersebut untuk menjadi pengajaran dan salah satu penghormatan terhadap anggota uniform kita. Sekiranya saya buat filem itu dengan bahasa tertentu atau menggambarkan puak tertentu misalnya, pasti ada pihak yang kurang senang. Penceritaan filem adalah universal, jadi itulah yang kami mahu pamerkan," ujarnya optimis.

Dalam pada itu, pihak produksi juga mengambil langkah berhati-hati dengan mengikuti segala prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi memastikan tiada sebarang kontroversi.

"Cerita ini perlu dipertonton kepada khalayak. Jadi kami mengambil keputusan dengan bersama diselia pihak berkuasa untuk membuat filem ini tanpa melibatkan mana-mana pihak," ujarnya.

Tambah Zulkarnain, sepanjang pembikinan filem yang dijalankan di lokasi sebenar tragedi tersebut, ada pegawai khas yang sentiasa memantau dan menasihati setiap prosedur yang digambarkan.

"Ada seorang anggota komandi VAT 69 bersama saya untuk pergerakan-pergerakan komando dan pihak PRO dari PDRM untuk menasihati dari segi SOP. Boleh dikatakan setiap masa ada seorang pegawai disisi saya untuk memantau. Dari segi pemakaian pun mereka akan pantau. Jadi filem ini memang diselia oleh pihak PDRM," kongsinya.

Menampilkan bintang-bintang hebat tanah air seperti Eman Manan, Syafiq Kyle, Kamal Adli, Fikry Ibrahim, Anding Indrawani, *Takluk: Lahad Datu* bakal menemui penonton di pawagam seluruh negara 22 Ogos ini.



Hilang Ditemui Mati, Kisah Tragis Menyayat Hati Cetus Kegusaran Awam



Sudah seperti di Colombia atau dalam babak filem thriller — itulah rumusan singkat mengenai lambakan pemberitaan kematian serta pembunuhan sejak kebelakangan ini.

Membaca kisah orang mati dibunuh lalu anggota badan dikerat-kerat atau dibakar juga dihumban di lokasi tertentu bukan lagi hal asing.

Ini termasuklah kes identiti jenayah kejam yang berlaku kepada guru wanita, Istiqomah Ahmad Rozi, 33, yang dikesan menerusi misteri penemuan mayat tanpa kepala, kaki dan tangan yang di sumbat dalam tong sampah dan dibuang ke longkang di Kampung Tanjung Rimau, Pulau Sebang menerusi ujian asid deoksiribonukleik (DNA) selepas hilang 27 Disember tahun lalu.

Belum sempat masyarakat menarik nafas, negara sekali lagi menerima perkhabaran tentang orang hilang yang ditemui sudah meninggal dunia.

Jika sebelum ini penyanyi Nidza Afham, 23, ditemui tidak bernyawa di sekitar Jambatan Sungai Klang, Kuala Lumpur selepas dilaporkan hilang, berita anak kecil tidak berdosa, Nuraina Humaira Rosli, 10, juga turut mendukacitakan.

Kanak-kanak perempuan Orang Asli itu bukan hanya ditemui sudah meninggal dunia selepas hilang pada 14 Ogos lalu tetapi dipercayai dirogol kerana ada kesan koyakan pada kemaluan mangsa sebelum membawa kepada penangkapan seorang lelaki.

Berita-berita jenayah ini terus menimbulkan keresahan apa lagi tiada hukuman mati mandatori dan pemenjaraan sepanjang hayat di Malaysia susulan penguatkuasaan Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 (Akta 846) bermula 4 Julai 2023.

Namun tahukah anda, sebelum hukuman mati mandatori dimansuhkan, ramai penjenayah kejam yang telah menemui ajal di tali gantung?

Contohnya, pembunuh jurutera komputer Noor Suzaily Mukhtar yang mati dalam keadaan berbogel dipercayai diperkosa, diliwat, dipukul dan dibunuh oleh Hanafi Mat Hassan berakhir di tali gantung.

Sama seperti penjenayah berprofil tinggi Mona Fandey, suami dan pembantu peribadi yang membunuh dan mengerat badan mayat 18 bahagian dibalas dengan hukuman mati.

Mampukah Bertahan Kerana Cinta?

Setiap pasangan yang berkahwin tidak ada yang ingin diakhiri dengan perceraian. Namun itulah kehidupan. Sebagai manusia kita hanya merancang tetapi Tuhan menentukan segalanya.

Malaysia sendiri mencatatkan kenaikan kes perceraian sebanyak 43.1 peratus atau bersamaan 62,890 kes pada November 2023 dengan kebanyakan pasangan muda yang bercerai.

Ini antara berita perceraian hangat selebriti yang menjadi buah mulut khalayak.

1.



Cut Intan Nabila - Armor Toreador

Pempengaruh Indonesia, Cut Intan Nabila mendedahkan sisi gelap kehidupan rumah tangga yang dibina bersama Armor Toreador. Dirinya dipukul dan bayi mereka turut ditendang suaminya. Ironi Cut Intan dan Armor sudah memiliki tiga anak sejak berkahwin pada 2019. Ini bukan pertama kali Cut Intan dibelasah tetapi bertahan kerana percaya lelaki yang dicintainya itu pasti akan berubah.

2.



Datuk Nora Ariffin - Dr. Rushdi Ramli


Penyanyi Datuk Nora Ariffin mengejutkan ramai apabila diuji dengan kemelut diceraikan suaminya, Dr. Rushdi Ramli menerusi rakaman video Instagram minggu lalu. Nora berlapang dada berdepan ketentuan takdir bahawa perkahwinannya dengan Rushdi ternoktah selepas tiga tahun hidup bersama. Tahun lalu spekulasi pergolakan rumah tangganya dengan Pensyarah Kanan, Jabatan Fiqh & Usul, Universiti Malaya (UM) itu sudah mula dihidu ramai tetapi dinafikan. Mereka bergelar suami isteri pada 2021, malah Rushdi merupakan sahabat baik arwah suami Nora iaitu Allahyarham Johan Nawawi.

3.



Jennifer Lopez - Ben Affleck

Berkenalan lebih 20 tahun, pernah bertunang namun putus sebelum percaya mereka dicipta untuk bersama lalu berkahwin selepas masing-masing sudah pernah melalui episod duka, cinta Jennifer Lopez dan Ben Affleck tetap kecundang. J.Lo memfailkan cerai terhadap Affleck di mahkamah di Los Angeles awal minggu ini. Perceraian ini terjadi selepas media massa melaporkan keduanya sudah tidak sebumung selain mula menjual aset seperti kediaman. Aktor tersebut didakwa tidak dapat bertahan dengan kehidupan superstar J.Lo.



Filem Harimau Malaya: The Untold Journey mengisahkan cabaran dan pancaroba pemain negara selepas peletakkan jawatan Tan Cheng Hoe pada tahun 2022.

Harimau Malaya: The Untold Journey memaparkan bagaimana skuad bola sepak negara bersama-sama bangkit di bawah didikan jurulatih, Kim Pan Gon di peringkat kelayakan sehingga menempah tiket ke Piala Asia 2022 secara merit selepas penantian 42 tahun.

Diarahkan oleh pengarah terkenal Datuk Afdlin Shauki, karya ini membariskan pelakon popular seperti Meerqeen, Sophia Albarakbah, Bell Ngasri, Aidil Aziz, Amelia Henderson dan Aiman Hakim Redza.



Pungut: Kisah Pekerja Cari Rezeki Dari Longgokan Sampah

Filem Pungut mengisahkan Salleh lakonan Ruzaidi Abdul Rahman yang tinggal di sebuah perkampungan setinggan berhampiran sebuah kawasan pelupusan sampah dan menyara diri dengan bekerja sebagai pengutip barang-barang lusuh.

Sementara Din Cengkoi (Aman Graseka) pula seorang ketua kumpulan jenayah yang melihat kawasan pelupusan sampah tersebut mempunyai potensi untuk urusniaga haramnya setelah dikhiani di kawasan lama.

Diarahkan oleh Areef Abu Bakar, filem ini dibintangi Aman Graseka, Fad Anuar, Ruzaidi Abdul Rahman, Megat Sharizal dan ramai lagi.

Pungut mula ditayangkan pada 29 Ogos 2024.

Jazmy Juma, Sofea Shra, Kambing Golek Di Carta Terbaik Minggu Ini!

Pelakon kacak Jazmy Juma, pempengaruh gaya hidup popular Sofea Shra dan e-gamer Kambing Golek menduduki carta teratas dalam tiga kategori Selebriti Trending, Digital Creator Trending (Beauty & Fashion) dan Digital Creator Trending (E-sports) Gempak Most Wanted (GMW) minggu ini.

Gempak Most Wanted menyenaraikan kandungan hiburan digital mingguan paling tular dari pelbagai platform media sosial setiap minggu.

Kandungan-kandungan ini dipilih berdasarkan pencalonan umum daripada orang awam dan jumlah undian daripada netizen di gempak.com/gempakmostwanted.

GMW bersiaran setiap hari Rabu, 11 malam di Astro Ria, On Demand & Astro GO.

Untuk mengundi layari gempak.com/gempakmostwanted



A screenshot of the Gempak Most Wanted mobile application. It features a purple header with three small icons. Below the header is a large banner with the show's logo and the text "GEMPAK MOST WANTED" in large, bold letters. To the right of the banner is a video player showing a clip of Ananda Natasha. Below the banner, there is a section titled "Carta Mingguan Gempak Most Wanted" with the subtext "Undi carta mingguan Gempak Most Wanted sekoran dan tentukan Top 5 setiap minggu". There are two buttons: "HANTARAKAN PENCALONAN UMUM ANDA" and "UNDI CALON BULAN OGOS SEKARANG!". At the bottom right is a blue button labeled "CARTA MINGGUAN".

Jom semak senarai pempengaruh dan selebriti paling trending di carta mingguan GMW.

Selebriti Trending

1. Jazmy Juma
2. Scha Elinnea
3. Meerqueen
4. Erysha Emrya
5. Siti Khadijah Halim

Digital Creator Trending (Beauty & Fashion)

1. Sofea Shra (Beauty & Fashion)
2. Agy (Beauty & Fashion)
3. Shahira Azlan (Makeup)
4. Eima Safuan (Beauty)
5. Thuraya Nur (Fashion)

Digital Creator Trending (E-sports)

1. Kambing Golek
2. Sekyss
3. Dibo
4. Gojes
5. Sir Cloud

Digital Creator Trending (Entertainment)

1. Shah Zakaria (Daily Vlog)
2. Shak (Daily Vlog)
3. Steph Beauty (Parody)
4. Ryan Bakery (Sketch)
5. Leona)Daily Vlog)

Digital Creator Trending (Motivation & Education)

1. Fathi Hussein (Educator)
2. Muhammad Noor (Lab)
3. Dr Kenneth Wong (Health)
4. Tun Laila (Law)
5. Zack Kirana (Educator)



X-Change Gabung Genre Aksi, Jenayah & Romantik

Siri premium Astro Originals, X-Change yang bertemakan 'The Bonds Of Blood' menceritakan tentang Khalif (Arfie Shah), pemuda berusia 17 tahun yang terikat dengan keluarga yang terlibat dengan jenayah.

Menerusi tagline 'The Bonds of Blood', 'X-Change' merupakan sebuah siri yang menampilkan aksi, jenayah dan romantik, serta mengetengahkan subjek 'gaya authoritarian' dalam sesbuah keluarga, iaitu melibatkan peraturan ketat, jangkaan yang tinggi dan kurang komunikasi di antara ibu bapa dan anak-anak sebagai konflik utama dalam naratif.

X-Change arahan Norhanisham Muhammad (Labu) dibintangi oleh Datuk Rosyam Nor, Hariz Hamdan, Arfie Shah, Joey Leong, Sadiq, Steve Yap dan Marisa Yasmin.

Drama 10 episod ini telah mula bersiaran pada 12 Julai 2024, setiap Jumaat di Astro Premier atau Stream di Astro GO dan sooka.



Safety Tips Amid Recent Disappearances & Deaths

Lately, there's been a disturbing rise in missing person cases across Malaysia. For example, six-year-old Albertine Leo went missing in Johor but was thankfully found safe.

On August 15, singer Nidza Afham was found dead in a river after being reported missing. His death is under investigation, with signs pointing to robbery. Another incident involved a woman's body being found in Shah Alam on August 18.

In light of these events, it's crucial to stay safe. Here are 10 tips to remember whenever you leave the house:

1. **Inform Loved Ones:** Always tell someone where you're going, when you'll be back, and who you're with. Update them if your plans change.
2. **Share Your Location:** Use apps like WhatsApp, Find My, or Life360 to share your live location with trusted contacts.
3. **Carry a Self-Defense Kit:** Consider getting a pepper spray, alarm keychain, or car escape tool for protection.
4. **Avoid Going Out Alone:** Especially at night, try to be with someone or video call a friend.
5. **Stay Alert:** Be aware of your surroundings, especially in unfamiliar or dimly lit areas. Avoid getting distracted by your phone.
6. **Enter Your Car Safely:** Unlock your car at the last moment and lock the doors immediately after getting in. Check around your car before entering.
7. **Keep Your Phone Charged:** Always have a charger handy, so you're not caught with a dead phone in an emergency.
8. **Avoid Isolated Areas:** Stick to crowded, public places. If stopped by police in a quiet spot, drive to a more populated area before pulling over.
9. **Trust Cautiously:** Be careful around strangers and even people you know. Guard your drink in bars and clubs to prevent spiking.
10. **Be Unpredictable:** Vary your routes and routines so that you're less predictable.

Stay safe, everyone!

